

PRAKTIS

A Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. (TP2)

- 1 Kaum Melayu merupakan komponen yang terbesar di negara kita.
- 2 Kadazandusun, Bajau dan Murut merupakan kumpulan etnik di Sabah.
- 3 Etnik Sikh mudah dikenali melalui cara pemakaian dan pertuturan mereka.
- 4 Etnik Portugis juga dikenali sebagai orang Serani.
- 5 Etnik Baba dan Nyonya wujud hasil daripada perkahwinan pedagang China dengan penduduk tempatan.
- 6 Kaum India merupakan masyarakat yang kedua terbesar di Malaysia.
- 7 Perbezaan kumpulan etnik di Sabah dan Sarawak dapat dilihat dari segi bahasa, agama dan adat resam yang diamalkan oleh mereka.
- 8 Etnik Siam menyambut perayaan *Loy Krathong* dan *Songkran*.
- 9 Perkahwinan antara pedagang dari India dengan penduduk tempatan telah melahirkan etnik Ceti.
- 10 Melanau, Iban dan Bidayuh merupakan kumpulan etnik yang utama di Sarawak.

B Lengkapkan jadual berikut yang berkaitan dengan kawasan petempatan kaum dan etnik serta kegiatan ekonomi yang diceburi oleh mereka.

Kaum / Etnik	Kawasan Petempatan		Kegiatan Ekonomi	
	Dahulu	Kini	Dahulu	Kini
1 Melayu				
2 Cina				
3 India				
4 Orang Asli				
5 Iban				
6 Kadazandusun				